

Nama Tingkatan



فَسْتَبِشْرُوا لِقَائِ اللَّهِ فِي الْجَنَّاتِ
 وَمَعَهُمْ كَرَامَاتٌ سَكُورٌ لَمْ يَتَغَيَّرُوا فِيهَا
 يَأْسُنَ إِسْلَامَ كَلْتَن



1103/1
 Bahasa
 Melayu
 Kertas 1
 Ogos
 2016
 2 $\frac{1}{4}$ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
 2016**

**BAHASA MELAYU
 Kertas 1**

**TINGKATAN 5
 Dua jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah
 SULIT


Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]


[30 markah]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada amalan gotong-royong yang terdapat dalam kalangan masyarakat di negara kita. *Huraikan pendapat anda tentang faedah amalan gotong-royong dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

AMALAN GOTONG-ROYONG
DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI MALAYSIA



Memupuk perasaan cinta terhadap sekolah



Menjimatkan perbelanjaan



Memupuk perpaduan kaum

Bahagian B*[100 markah]**[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]*

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Pelajar yang bersahsiah tinggi merupakan aset penting sesebuah negara.

Jelaskan peranan yang perlu dimainkan oleh pihak sekolah untuk melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi.

2. Sesetengah pendapat mengatakan bahawa generasi muda hari ini kurang berbudi bahasa.

Huraikan peranan yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk memupuk anak-anak agar sentiasa berbudi bahasa.

3. Kesedaran rakyat Malaysia tentang pentingnya 'Amalan Gaya Hidup Sihat' masih lagi rendah.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh masyarakat kita agar mereka sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat?

4. Kemasukan pendatang asing tanpa izin boleh mendatangkan pelbagai impak buruk kepada sesebuah negara dan isu ini perlu diseat melalui kerjasama secara global.

Bincangkan.

5. Anda telah membaca sebuah novel yang bertemakan semangat patriotik.

Tulis sinopsis novel tersebut.

Nama Tingkatan



قَسَمْتُ لَكُمْ عِلْمًا فَخُذُوا مِنْهُ حَيْثُ رَغَبْتُمْ وَرَغَبُوا لِي فِي عَمَلِكُمْ
يَا أَيُّهَا اسْمُ إِسْلَامِ كَلِمَتُنْ



1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos
2016
2 ½ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2016**

**BAHASA MELAYU
Kertas 2**

**TINGKATAN 5
Dua jam tiga puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara mengatasi stres dan masalah-masalah yang dihadapi untuk menanganinya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pelajar sering mengalami stres untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran terutama menjelang peperiksaan. Stres yang dialami oleh pelajar ini disebabkan mereka mahu memperoleh gred yang tinggi agar dapat berjaya ke menara gading. Sesetengahnya pula menjadi tekanan daripada ibu bapa yang mahu melihat anaknya berjaya dengan cemerlang. Ibu bapa selalu meletakkan sasaran kejayaan yang terlalu tinggi supaya menjadi teladan kepada adik-adiknya.

Pelajar seharusnya belajar secara berkumpulan untuk mendapat bimbingan daripada rakan-rakan. Stres akan hilang dengan keseronokan yang timbul daripada bergaul dan bual bicara serta tawa rakan-rakan. Pandangan daripada rakan-rakan sangat penting pada usia remaja kerana mereka mempunyai pengalaman yang berbeza dalam kehidupan. Lazimnya gaya hidup pelajar yang suka belajar secara berkumpulan jauh lebih menyerlah potensinya berbanding pelajar yang suka menyendiri. Kekerapan mendapat nasihat dan bimbingan daripada guru kaunseling juga sangat penting apabila seseorang pelajar mengalami stres.

Stres akan bercambah apabila kehidupan terlalu sibuk. Oleh itu, pelajar perlu melakukan kegiatan riadah pada setiap hari mengikut masa yang sesuai. Amalan riadah patut dilakukan pada waktu lapang terutama pada waktu pagi dan petang. Antara kegiatan riadah yang sesuai dilakukan ialah berbasikal, berjoging, bersiar-siar di taman rekreasi dan memancing ikan. Kegembiraan berada di tempat riadah dengan kehijauan taman dan keheňangan udara mampu membuatkan seseorang pelajar melupakan segala masalah yang membelenggu fikirannya.

Selain itu, amalan tidur yang cukup dalam sehari memberi makna yang besar kepada seseorang pelajar. Banyak pelajar mengabaikan tidur yang cukup selama enam hingga lapan jam sehari. Tumpuan terhadap pelajaran akan menjadi kacau dan hidup mereka tidak tenteram jika tidak cukup tidur. Seseorang pelajar hendaklah sentiasa berfikiran positif apabila berhadapan dengan situasi yang kritikal dan sukar. Cara ini boleh menghindari fikiran yang tidak menentu dan kusut. Pelajar juga akan kelihatan lebih matang dan bertenaga dari segi fizikalnya.

Pelajar juga boleh mendengar muzik sentimental semasa mengulang kaji mata pelajaran. Muzik boleh menjadikan diri dibuai perasaan dan *terapi fikiran yang efisien*. Apabila muzik bergema, hati akan dibuai oleh alunan melodinya sehingga di luar kesedaran diri. Usaha memperbanyakkan amalan ibadat dalam kehidupan seharian sangat penting. Para pelajar hendaklah memperbanyakkan solat, puasa, mendengar tazkirah, zikir dan membaca al-Quran. Sesungguhnya, sembahyang dan membaca al-Quran memberikan ketenangan yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Sembahyang yang khusyuk akan menjadikan seseorang itu lupa akan semua tekanan yang dihadapi. Jiwa berasa tenang

dan damai, hati juga menjadi bersih. Ketika rukuk dan sujud, darah akan mengalir dengan lebih sempurna di dalam tubuh kita. Selepas mendirikan solat dan berzikir seseorang itu akan berasa dirinya bersih, damai dan insaf.

Kadang-kadang stres berlaku disebabkan gangguan sistem pengambilan pemakanan yang tidak sempurna. Pelajar gagal menjaga pemakanan harian mereka terutama menjelang peperiksaan. Mereka gemar akan makanan segera sebagai menu harian. Oleh itu, pelajar mestilah mengambil makanan yang berkhasiat dan mengutamakan makanan seimbang dalam menu harian. Kadang-kadang ada juga pelajar melakukan kesilapan yang besar dengan menghisap rokok untuk mengurangkan stres. Tindakan itu tidak tepat bahkan boleh meningkatkan gangguan fikiran secara normal. Merokok sudah menjadi amalan lumrah dalam kalangan pelajar hari ini tanpa mengira jantina.

Kesimpulannya, stres akan tetap menghantui dalam fikiran pelajar. Isu ini merupakan mainan dalam diri untuk membina kelangsungan hidup yang lebih bermakna. Hanya pelajar yang berfikiran rasional sahaja akan berjaya menangani masalah stres.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Cara selamat mengatasi tekanan" oleh Dr. Hazwan bin Harun, *Berita Harian*, Mac, 2015)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *terapi fikiran yang efisien*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah stres sering berlaku kepada pelajar sekolah? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan buruk jika seseorang pelajar membiarkan diri mereka sentiasa berada dalam keadaan stres? [4 markah]

Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pemimpin tertinggi sendiri pernah berkata, "Rakyat mesti membuka mata dan melihat potensi yang ada dalam bidang pertanian. Saya menyeru kepada rakyat sekalian agar merebut peluang ini, terutama ribuan siswazah Melayu yang masih menganggur. Kerajaan menyediakan banyak peluang terutama kepada keistimewaan dalam Dasar Ekonomi Baru. Ada pelbagai bantuan dan skim pembiayaan untuk projek pertanian yang dikendalikan oleh sebuah bank khusus. Nah, semuanya ada di hadapan anda! Yang diperlukan sekarang ialah kesanggupan anda untuk bekerja kuat. Ingat slogan ini, 'Pertanian adalah Perniagaan'."

Hakim telah mendengar dengan penuh minat. Segala kata itu membakar semangatnya untuk memajukan tanah yang ditebusnya. Dia juga berharap kejayaannya nanti akan menjadi teladan kepada orang yang seketurunan dengannya yang mendapat kelebihan daripada Dasar Ekonomi Baru dan pelbagai projek pembangunan sebuah kerajaan yang prihatin.

Hakim perlu membina sebuah reban tertutup. Dia memulakan segala kerja, menebang pokok dan meratakan tanah, berlori-lori tanah telah diangkut untuk menambak kawasan yang memang rendah dan berair itu. Wang simpanannya hampir habis di situ.

Kos pembinaan sebuah reban ayam tertutup dengan sistem penyaman udara dan peralatan memberi makanan semiautomatik melebihi dua ratus ribu ringgit. Hakim sudah beberapa kali turun naik tangga bank untuk berbincang tentang pinjaman projek pertanian. Kertas kerja sudah beberapa kali dipinda sehingga akhirnya pinjaman diluluskan. Pinjaman sebanyak itu memerlukan cagaran dan dia tidak ada harta yang lain selain tanah Pak Kaduk yang baru ditebusnya dengan susah payah. Mujurlah seorang Yang Berhormat sanggup campur tangan dan memujuk pihak bank untuk meluluskan pinjamannya. Dengan pertolongan itu terbinalah sebuah reban yang boleh memuatkan sepuluh ribu ekor ayam.

Hakim menandatangani kontrak dengan pihak RAJA. Maka jadilah dia seorang petani moden merangkap anak muda yang berjasa kepada nusa dan bangsa dengan menyumbang ke arah penambahan pengeluaran makanan negara.

(Dipetik daripada cerpen "Kaduk, Ayam dan Raja," oleh Zurinah Hassan, dalam *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*, DBP, 2014)

- (i) Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Hakim untuk mendapat pinjaman daripada bank?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah sumbangan sektor pertanian kepada negara?
[4 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai murni yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai murni lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[3 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Umar namanya, terlalu berani, *kelakuannya gila-gila bahasa*. Maka disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja suluh perahu Siam itu. Maka Tun Umar pun pergilah dengan sebuah perahunya olang-oleng. Telah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilanggarnya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu ia terus ke sebelah; maka ia terbalik, dilanggarnya pula yang lain, itu pun dua tiga buah perahu Siam alah. Maka Tun Umar pun kembalilah. Maka orang Siam terlalu hairan melihat kelakuan Tun Umar itu. Telah hari malam, maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Maka kata Awi Dicu, "Benarlah seperti kata kamu itu; marilah kita kembali sementara belum siang ini."

Maka segala orang Siam pun kembalilah.

(Dipetik daripada "*Burung Terbang Dipipiskan Lada*," dalam *Antologi Sejadah Rindu*, Sasbadi Sdn Bhd, 2015)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *kelakuannya gila-gila bahasa*?
[2 markah]
- (ii) Apakah yang diperkatakan oleh hulubalang Siam apabila melihat banyaknya puntung api?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan buruk jika berlakunya peperangan dalam sesebuah negara?
[3 markah]

Soalan 2 (d) - Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**GURINDAM DUA BELAS
(Fasal yang Ketiga)**

Apabila terpelihara mata,
Sedikitlah cita-cita.

Apabila terpelihara kuping,
Khabar yang jahat tiadalah damping.

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
Daripada segala berat dan ringan.

Apabila perut terlalu penuh,
Keluurlah fiil yang tidak senonoh.

Anggota tengah hendaklah ingat,
Di situlah banyak orang yang hilang semangat.

Hendaklah peliharakan kaki,
Daripada berjalan yang membawa rugi.

MOHD YUSOF MD NOR
dan ABD RAHMAN KAEH
Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul, DBP, 2014

- (i) Apakah maksud rangkap kedua dalam gurindam di atas? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah amalan berbudi bahasa dalam kalangan remaja semakin berkurangan? [4 markah]
- (iii) Huraikan tiga pengajaran yang terdapat dalam gurindam di atas. [3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi setiap pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan, menukarkan atau menggugurkan imbuhan atau menggunakan perkataan sebagai peribahasa atau nama khas.

- | | | | |
|-------|-----------|---|-----------|
| (i) | mencakupi | - | mencukupi |
| (ii) | mencatuk | - | mencatut |
| (iii) | mengilas | - | mengulas |

[6 markah]

- (b) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan jenis-jenis ayat berikut sama ada ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan atau ayat permintaan.

- (i) "Tengok barang-barang ini," kata penjual.
- (ii) Jemput datang ke majlis perpisahan pada petang ini.
- (iii) Usah kaupedulikan budak itu.
- (iv) Tolong hantar bungkusan itu kepada Ahmad.
- (v) "Makanlah kuih ini dahulu sebelum kamu pergi," kata ibu.
- (vi) "Ditegah berludah di kawasan ini," kata Mak Semah kepada Munah.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kerajaan akan memberi insentif kepada pemilik tanah terbiar supaya berusaha tanah mereka dengan aktiviti pertanian secara komersil.
- (ii) Masalah kesesakan lalulintas di bandar raya utama di Malaysia terutama di Kuala Lumpur, Ipoh dan Johor Bahru akan menjadikan fokus utama dalam perbincangan itu.
- (iii) Masyarakat yang hidup pasca kemerdekaan dikatakan kurang mempunyai semangat patriotik kerana mereka tidak berasa akan keperitan yang dialami oleh para pejuang tanah air.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pihak Kementerian Kesihatan perlu memeriksa kantin sekolah mengikut jadual agar kuantiti makanan yang dijual kepada pelajar dapat ditingkatkan dari masa ke semasa.
- (ii) Drama kejar-mengejar di antara polis dengan perompak di Jalan Ipoh semalam telah mengorbankan tiga orang awam.
- (iii) Tolong jangan bising ketika anda berada di perpustakaan kerana perbuatan itu boleh mengancam orang lain.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan maksud ayat tersebut.*

- (i) Pak Udin memelihara anak angkat yang diambil dari Jepun itu dengan penuh kasih sayang.
- (ii) Sekiranya kita bersungguh-sungguh dalam satu perkara atau dalam menyelesaikan sesuatu masalah, kita pasti akan berjaya menyelesaikannya.
- (iii) Pembahagian daging korban kepada penduduk kampung itu dibuat secara sama banyak dan adil.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (ii) Di sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Leftenan Adnan karya Abdul Latip Talib
- (iv) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairudin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (viii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- (a) Pengarang sering menimbulkan konflik kepada watak utama dalam sesebuah novel untuk menghidupkan jalan ceritanya.

Berdasarkan novel yang anda pelajari, huraikan **dua** konflik watak utama dan jelaskan bagaimana watak utama menyelesaikan konflik yang dialami itu.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah pelajari, huraikan **satu** latar masa yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT